

06/02/2002

Dr M puas hati pedagang, media AS akui terpedaya

Hishamuddin Aun

NEW YORK, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebilangan pedagang dan pengamal media Amerika Syarikat kini berpandangan lebih positif terhadap Malaysia selain mendapat gambaran lebih jelas mengenai wujudnya salah faham yang mengaitkan Islam dengan keganasan.

Perdana Menteri berkata, pedagang yang ditemuinya sepanjang sesi tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini yang berakhir semalam dan perjumpaan berasingan yang diatur, rata-rata memberi reaksi lebih meyakinkan dan mengakui terpedaya dengan gambaran kononnya Malaysia sebuah negara Islam yang tidak stabil.

Merumuskan hasil kunjungan tiga harinya ke sini, Dr Mahathir berkata beliau amat berpuas hati dengan peluang yang diberikan kepadanya untuk memberi penjelasan bagi membetulkan pelbagai tanggapan, termasuk dakwaan yang mengaitkan Malaysia sebagai tapak pelancar serangan 11 September.

"Saya dapati mereka lebih faham mengenai perbezaan di antara persepsi mereka dengan apa yang kita jelaskan. Sesetengah mereka berkata apabila mereka sampai ke Malaysia, pandangan mereka terhadap Malaysia berubah," katanya dalam sidang akhbarinya, malam tadi.

Sempena persidangan WEF kali ini, Perdana Menteri menyertai bengkel bertajuk 'Memastikan aliran modal dalam persekitaran berisiko' dan kemudian menyampaikan perutusan khas Peranan Islam dalam negara maju' yang kedua-duanya sesak dengan peserta Ahad lalu.

Pertemuannya dengan pengamal media serta atur cara berasingan dengan bakal pelabur anjuran Asia Networking, CLSA Ltd, Citigroup, Salomon Smith Barney dan Asia Society menerusi jadual padat dua hari, semuanya menarik jumlah kehadiran besar.

Dr Mahathir berkata, sebagai langkah susulan, pedagang Amerika yang ditemuinya diminta membawa rakan perniagaan mereka mengunjungi Malaysia agar mereka tidak terus terdorong untuk percaya gambaran negatif sesetengah media.

"Ini perkara biasa. Umpamanya sewaktu saya bercadang untuk datang ke New York, saya mendapat berita bahawa di sini ada demonstrasi oleh NGO dan kita berasa khuatir juga sama ada mesyuarat ini (WEF) dapat diadakan dengan sempurna. Walaupun ada demonstrasi, ia tidak sebesar yang digambarkan oleh media mereka," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun percaya penjelasan panjang lebarnya dengan pengamal media di sini Ahad lalu sedikit sebanyak mengubah tanggapan mereka.

Selain Malaysia didakwa sebagai tapak pelancar serangan 11 September, media Amerika sebelum ini melaporkan kerajaan kononnya enggan bekerjasama dalam menyerahkan seorang anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Yazid Sufaat, untuk menghadapi dakwaan di negara itu.

Mengenai Islam dan keganasan pula, Dr Mahathir berkata, penjelasan yang diberikannya berkisar kepada sebab-sebab ada umat Islam memilih untuk melakukan keganasan hingga ramai orang yang tidak bersalah menjadi korban.

"Bukanlah kita bersimpati dengan mereka tetapi amat penting untuk negara Barat faham kenapakah mereka ini mengambil tindakan begitu dahsyat. Kalau mereka tidak faham puncanya, mereka tidak akan dapat mencapai kejayaan dalam menangani masalah ini," katanya.

Malah, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan menemui Presiden George W Bush tahun ini bagi membincangkan masalah berkenaan selain akan menulis surat kepada Presiden Amerika itu jika satu pertemuan tidak dapat diatur.

Selain itu, katanya, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dijadualkan bersidang di Putrajaya, April ini, bagi membincangkan isu keganasan yang diharapkan dapat menghasilkan kesepakatan negara anggota bagi menanganinya.

Ditanya pendapatnya mengenai persidangan WEF kali ini yang lebih menyerlahkan tindakan Amerika dalam menangani masalah keganasan dan ekonomi, Perdana Menteri berkata, perkembangan itu turut membimbangkan Malaysia.

Sepanjang sesi perbincangan itu, Amerika yang diketuai Setiausaha Negara, Colin Powell, selain Setiausaha Perbendaharaan, Paul O'Neill, memberikan mesej lantang bahawa ia akan melakukan apa saja sesudah menumbangkan kerajaan Taliban di Afghanistan dan tidak akan terpengaruh dengan pendapat orang lain.

"Bukan saja kita, malah sekutu mereka juga bimbang. Eropah, terutamanya, berasa amat tidak selesa dan ia sesuatu yang sepatutnya.

"Kita melihat Amerika ada kecenderungan untuk `mengeksport' undang-undangnya dan memaksakannya ke atas negara lain sedangkan ia sesuatu yang salah mengikut amalan antarabangsa," katanya.

(END)